



## NOTIS KEPADA JURURUNDING EIA BIL.1/2022

### JABATAN ALAM SEKITAR

#### PEMPROSESAN DOKUMEN TOR DAN LAPORAN EIA DAN PENDAFTARAN JURURUNDING EIA MELALUI SISTEM *MALAYSIAN CERTIFIED ENVIRONMENTAL PRACTITIONER (myCEP)*

---

Tuan/Puan,

1. Sebagaimana sedia maklum, sistem dalam talian *Malaysian Certified Environmental Practitioner (myCEP)* bagi pendaftaran jururunding EIA telah mula diperkenalkan sejak Jun 2020 dan setiap jururunding EIA yang berdaftar diwajibkan untuk mendaftar dengan sistem myCEP ini.
2. Tempoh masa untuk proses validasi juga telah diberikan bermula pada Jun 2020 sehingga 31 Disember 2021 bagi semua jururunding EIA sedia ada untuk membuat validasi di dalam sistem myCEP bagi memastikan rekod data kekal dan sah di dalam sistem tersebut.
3. Proses validasi ini telah ditamatkan pada Januari 2022 dan mana-mana jururunding EIA sedia ada tetapi tidak membuat validasi perlu mengemukakan permohonan pendaftaran baharu melalui sistem tersebut.
4. Sehubungan itu, bagi memastikan pelaksanaan sistem myCEP ini berjalan dengan lancar dan seterusnya melancarkan pemprosesan laporan EIA, beberapa perkara perlu diberi perhatian seperti berikut:
  - (a) Dokumen TOR dan laporan EIA yang disediakan oleh jururunding EIA berdaftar dengan sistem myCEP sahaja yang diproses; dan

- (b) Dokumen TOR atau laporan EIA yang mana-mana ahli pasukan kajian iaitu jururunding EIA didapati belum berdaftar dengan sistem myCEP, pemohonan tersebut tidak akan diproses dan akan dikembalikan semula.
5. Ketua Pasukan Kajian hendaklah memastikan setiap ahli pasukan kajian iaitu jururunding EIA telah berdaftar dengan sistem myCEP sebelum dokumen TOR dan laporan EIA dikemukakan kepada JAS. Tindakan tegas akan diambil kepada Ketua Pasukan Kajian sekiranya gagal mematuhi notis ini.
6. Kerjasama tuan/puan amatlah diperlukan bagi memastikan kelancaran pelaksanaan sistem myCEP ini dan memastikan data jururunding EIA ini dapat diselaraskan sebaiknya.

Sekian.

**JABATAN ALAM SEKITAR  
KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR  
29 APRIL 2022**

Maklumat lanjut, hubungi:

Urusetia Skim Pendaftaran Jururunding EIA  
Jabatan Alam Sekitar  
Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA)  
Aras 3, Podium 3, Wisma Sumber Asli  
No. 25, Persiaran Perdana  
Presint 4  
**62574 W.P. PUTRAJAYA**  
Emel: skeia@doe.gov.my